

28 DEC 2001

Mahathir-India

INDIA-PAKISTAN PERLU SELESAIN MASALAH MELALUI RUNDINGAN

PUTRAJAYA, 29 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata India dan Pakistan patut menyelesaikan sebarang masalah antara mereka melalui rundingan.

"Sepatutnya sebagai dua negara berjiran, mereka duduk dan berbincang," katanya kepada Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak suka kepada penggunaan tindakan ketenteraan untuk menyelesaikan sebarang masalah.

India dan Pakistan saling berbalas-balas tindakan sekatan sejak Khamis dengan kedua-dua pihak mengenakan sekatan diplomatik dan penerbangan di kawasan udara satu sama lain.

Ketegangan antara dua negara kuasa nuklear itu telah meningkat sejak serangan 13 Dis terhadap parlimen India.

India menyalahkan dua pertubuhan militan Islam yang berpusat di Pakistan dan mendesak Pakistan membanteras kedua-dua pertubuhan itu dan kepimpinan mereka.

Pakistan bagaimanapun telah meletak pemimpin Jaish-e-Mohammad, sebuah daripada dua kumpulan yang dipersalahkan oleh India itu, di bawah perintah tahanan di rumah. Ia juga telah membekukan kewangan sebuah lagi pertubuhan, Lashkar-e-Taiba.

"Saya tidak suka kepada penggunaan tindakan ketenteraan untuk menyelesaikan apa-apa masalah, sepatutnya sebagai dua buah negara berjiran yang mempunyai hubungan, mereka patut ke meja dan bincang perkara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang berlaku ke atas India bukanlah atas arahan kerajaan Pakistan tetapi ia dilakukan "mungkin oleh rakyat Pakistan yang mengambil tindakan persendirian."

"Demikian juga di Palestin, yang melakukan keganasan bukan kerajaan Palestin tetapi pihak ekstremis.

"Apa yang berlaku kepada Malaysia umpamanya kalau penganas dari sini menyerang negara lain... lepas itu kita kena perang dengan negara lain," katanya.

Jika keadaan ini berlaku banyak negara akan diserang dan dunia akan kucar-kacir, katanya.

"Dalam tentera Taliban terdapat orang dari Sudan, Libya, Somalia... apakah tentera barat akan menyerang negara-negara ini kerana perbuatan rakyat yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Ketika bercakap mengenai perkara lain, Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia bahawa negara ini tidak akan memberi perlindungan kepada bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari.

Beliau berkata memberi perlindungan kepada Nur Misuari tidaklah mudah kerana Malaysia telah berkali-kali membuat kenyataan yang ia tidak akan memberi perlindungan kepada sesiapa yang mengganas di mana-mana juga.

"Sepatutnya dia tidak lari ke Malaysia... sepatutnya lari ke negara lain, kita telah membuat kenyataan dan kita mesti pegang kepada kenyataan kita, kalau tidak orang tidak akan percaya kepada kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan isteri Nur Misuari, Tarhata Ibrahim yang dibenarkan melawat bekas gabenor itu di Bukit Aman semalam.

Setelah berjumpa Misuari, Tarhata berkata suaminya meminta jasa baik kerajaan Malaysia untuk memberi perlindungan kepada beliau daripada dihantar balik ke Filipina.

Nur Misuari ditangkap di Pulau Jampiras, Sabah, pada 24 Nov lepas kerana cuba memasuki Malaysia secara haram selepas melarikan diri dari Selatan Filipina berikutan kegagalan melancarkan pemberontakan terhadap Manila.

Dr Mahathir juga berkata sekiranya suatu hari penganas dari Malaysia melarikan diri ke Filipina "apakah pendapat kita kalau Filipina memberi perlindungan kepada penganas dari Malaysia."

Katanya, Malaysia mempunyai tanggungjawabnya sendiri kepada negara jiran dan bukan hajat negara untuk melihat Nur Misuari dihantar balik ke Filipina.

Malaysia telah membantu Nur Misuari untuk menjadi gabenor tetapi selepas beliau menjadi gabenor beliau mengisytiharkan perang ke atas kerajaan Filipina.

"Bukan sahaja pengistiharan tetapi tindakan juga diambil dan ramai orang yang terbunuh. Kalau kita dilihat seolah-olah memandang ringan apabila perkara ini berlaku di negara jiran, mungkin satu hari kita akan menghadapi masalah yang sama," katanya.

-- BERNAMA

SR HK NMO